

**TEKS UCAPAN**

**YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**KETUA PENGARAH**

**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**PADA**

**22 JULAI 2016**

**(JUMAAT)**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

YANG BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

YBHG DATO' SR AZIZ BIN ABDULLAH  
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

YBERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN  
PENGARAH KANAN PENGURUSAN

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN  
ASSALAMUALAIKUM WBT.

## **PENDAHULUAN**

Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t. kerana dengan rahmat dan inayahNya, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Perhimpunan Bulanan, Lembaga Lebuhraya Malaysia bagi bulan Julai 2016 ini. Tidak terlambat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua warga LLM yang dikasihi.

## **PERLAKSANAAN KUTIPAN TOL DI LEBUHRAYA PANTAI TIMUR 2 (LPT2)**

1. Seperti sedia maklum, pengutipan tol ke atas Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) yang dibuka kepada trafik sepenuhnya pada 31 Januari 2015 yang lalu telah dilaksanakan mulai jam 00.01 pagi 15 Julai, 2016. Keputusan Kerajaan melaksanakan kutipan tol secara tertutup di LPT 2 selepas sambutan perayaan Hari Raya Aidilfitri dibuat setelah mengambil kira kepentingan rakyat.

2. Kerajaan telah melantik Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd. (LPT 2 SB) sebuah syarikat milik penuh Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (PLUS Berhad) untuk melaksanakan operasi, penyenggaraan dan kutipan tol di lebuhraya tersebut. Kutipan tol di lebuhraya ini perlu dilakukan untuk membiayai kos penyenggaraan dan operasi termasuk penyediaan kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan peronda, kawasan rehat dan rawat serta lain-lain kemudahan untuk keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya.

3. Pembukaan LPT2 sepanjang 184 kilometer bermula dari Jabor di Pahang hingga ke Kampung Gemuroh di Terengganu telah memberi kemudahan kepada pengguna untuk menikmati perjalanan tanpa henti dari LPT 1 dan hanya perlu membuat bayaran tol untuk keluar di mana-mana plaza tol LPT2. LPT2 juga merupakan lebuh raya empat (4) lorong dua (2) hala, dilengkapi dengan kemudahan seperti sepuluh (10) persimpangan bertingkat dan plaza tol, tiga (3) kawasan rehat dan rawat serta dua (2) hentian sebelah . Kadar tol permulaan bagi LPT 2 adalah 12 sen/km bagi kenderaan Kelas 1 (kereta).

4. Pembukaan LPT 2 ini juga dihujani dengan pelbagai isu yang kini menjadi viral di media sosial Facebook dan Twitter. Isu-isu mengenai jalan yang beralun, kemudahan seperti kawasan Rehat dan Rawat (RnR) dan stesen minyak yang kurang memuaskan telah menimbulkan kebimbangan para pengguna LPT2. Dalam hal ini, pihak LLM memberi perhatian serius terhadap isu-isu berbangkit yang diviralkan oleh orang ramai. Contohnya, penyelenggaraan dan penurapan semula jalan raya beralun telah dilaksanakan serta mematuhi nilai IRI yang telah ditetapkan. Penyelenggaraan jalan serta kemudahan lain juga akan terus dilakukan secara berkala oleh LPT2SB untuk menjamin keselesaan pemanduan dan keselamatan pengguna LPT2 pada masa akan datang.

5. Lanjutan itu, saya berharap agar warga LLM dapat bersama-sama membantu dalam memberikan info yang tepat dan positif terhadap pelaksanaan kutipan tol di LPT2 ini kepada rakyat khususnya. Pelbagai

maklumat berkaitan LPT2 boleh didapati daripada media sosial rasmi LLM seperti facebook, twitter dan di portal LLM. Diharapkan agar warga LLM dapat mengikuti media sosial LLM tersebut dan berkongsi atau dalam istilah media sosial *share* maklumat di facebook dan *retweet* status di twitter. Warga LLM juga digalakkan memuat turun aplikasi *LLM traffic info* bagi mendapatkan pelbagai maklumat seperti info semasa perjalanan, info trafik dan pengiraan tol.

## **KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA #RESPEKLABRO**

Hadirin Sekalian,

6. Seperti yang kita jangka, terdapat pertambahan bilangan kenderaan di lebuhraya utama semasa sambutan hari Raya Aidilfitri berikutan kepulangan warga kota ke kampung halaman. Antara usaha Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dengan kerjasama Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam mengurangkan kemalangan di jalan raya adalah pelancaran Kempen Keselamatan Jalan Raya dengan *hashtag* **#Respeklabro**.

7. Kebiasaannya, punca utama kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh faktor kecuaiian seperti memandu melebihi had laju, berlumba, melanggar lampu isyarat, menukar laluan tanpa isyarat dan mengguna telefon bimbit semasa memandu. Ada juga kalangan pemandu yang sengaja memotong barisan (potong Q) dan gemar menggunakan laluan kecemasan di lebuhraya. Justeru, Kempen Advokasi **#Respeklabro** yang telah dilancarkan pada 30 Jun 2016 merupakan satu lagi program

keselamatan yang berteraskan pendidikan berterusan (*continuous education programme*) dan advokasi khususnya terhadap agen perubahan iaitu, generasi muda seperti pelajar-pelajar sekolah dan universiti. Ianya juga bertujuan untuk menerapkan nilai pemanduan berhemah, supaya kita menghormati dan lebih bertimbang rasa di atas jalan raya. Ini selaras dengan status Malaysia sebagai sebuah negara yang pesat membangun, yang sememangnya mengutamakan pembangunan modal insan berkualiti. Oleh yang demikian, dalam hubungan ini, elemen pendidikan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan.

## **KEMPEN PENCEGAHAN RASUAH**

Warga kakitangan LLM yang dikasihi,

8. Rasuah ataupun suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, dan ianya adalah merupakan musuh utama kepada kita sebagai penjawat awam. Justeru, penerapan dan pendedahan berkenaan pencegahan rasuah perlulah diterapkan kepada seluruh rakyat Malaysia secara umumnya.

9. Pendekatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerusi Kempen Pencegahan Rasuah yang telah dilancarkan pada 24 Jun 2016 dan melibatkan 24 lokasi Hentian Rehat dan Rawat (RnR) di seluruh negara adalah salah satu usaha untuk mendekati rakyat Malaysia khususnya pengguna lebuhraya di RnR. Kempen dengan hashtag #BermulaDaripadaAnda ini juga telah dilancarkan dengan kerjasama

SPRM, LLM dan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM). Pemilihan RnR dalam menyampaikan maklumat mengenai gejala rasuah adalah bertepatan kerana ia merupakan platform yang efektif untuk mendampingi pelbagai lapisan masyarakat dalam menyalurkan mesej dengan lebih pantas. Ini kerana berdasarkan statistik pada tahun 2015, kira-kira 203.5 juta kenderaan telah mengunjungi RnR dalam tempoh setahun.

10. Tujuan kempen ini adalah untuk memberi pendedahan dan maklumat mengenai gejala rasuah kepada orang ramai yang berada di RnR lebuhraya. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran dan membendung gejala rasuah daripada berleluasa di negara kita. Pelaksanaan kempen kesedaran pencegahan rasuah ini disampaikan kepada orang ramai menerusi info maklumat gejala rasuah yang dilekatkan di meja-meja makan dan paparan iklan elektronik selama setahun dan juga dipaparkan di *Variable Message System (VMS)*.

11. Saya yakin seluruh warga LLM dan syarikat-syarikat Konsesi bakal mendapat input yang berguna daripada SPRM dalam membentaras gejala rasuah melalui ceramah kesedaran yang juga akan diadakan di Zon Utara, Tengah, Selatan dan Timur. Saya juga percaya bahawa, pendekatan seperti ini adalah sebagai salah satu aspek jalinan kerjasama bagi meningkatkan tahap integriti di kalangan LLM dan syarikat konsesi.

## **PENUTUP**

Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini. Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.